



**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

14 DISEMBER 2021


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 232 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 237,535 kes. Sebanyak enam (6) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Ranau manakala masing-masing satu (1) kes di Keningau, Penampang, Semporna dan Tawau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 395 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 228,585 orang. Manakala 1,012 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 506 orang di hospital, 498 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, tujuh (7) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 41 orang merangkumi 38 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di open ward (HDW/kubikel akut) manakala 12 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 30 (25.64%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tongod berubah dari zon jingga ke zon kuning manakala Beluran berubah dari zon merah ke zon jingga.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lima (5) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 19 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes di Sabah naik semula secara mendadak hari ini ekoran satu Kluster baharu di UMS Kota Kinabalu. Jumlah kes terbaru ialah 232 kes, pertambahan sebanyak 51 kes berbanding kelmarin.
- b. Indeks kes bagi Kuster Puncak Ilmu ialah seorang pelajar lelaki Universiti Malaysia Sabah yang tinggal di asrama. Saringan ke atas kontak rapat mendapati 40 orang pelajar dan kakitangan UMS juga telah dijangkiti menjadikan jumlah keseluruhan 41 kes.
- c. Seramai 215 orang daripada 232 pesakit hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, empat (4) pesakit dalam Kategori 3, tiga (3) pesakit dalam Kategori 4 dan tidak ada kes dalam Kategori 5. Sepuluh kes lagi masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- d. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (108) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## **ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	5	2.16%
2	Bergejala	81	34.91%
3	Kontak	108	46.55%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	38	16.37%
<b>JUMLAH</b>		<b>232</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (13 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 13/12/2021	Catatan Kes 14/12/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	31	47	+16
2	Sandakan	3	13	+10
3	Tawau	1	11	+10
4	Kuala Penyu	6	13	+7
5	Beaufort	1	7	+6
6	Kinabatangan	0	6	+6
7	Nabawan	0	6	+6
8	Sipitang	1	6	+5
9	Putatan	9	13	+4
10	Kota Belud	15	18	+3
11	Pitas	0	3	+3
12	Kota Marudu	8	9	+1
13	Semporna	1	2	+1
14	Tongod	0	1	+1
15	Beluran	0	1	+1
16	Penampang	19	19	Mendatar
17	Tambunan	5	5	Mendatar
18	Telupid	1	1	Mendatar
19	Kunak	0	0	Mendatar
20	Kalabakan	0	0	Mendatar
21	Tuaran	35	25	-10
22	Ranau	13	5	-8
23	Papar	14	9	-5
24	Keningau	6	4	-2
25	Kudat	4	2	-2
26	Tenom	7	6	-1
27	Lahad Datu	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>181</b>	<b>232</b>	<b>+51</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (30 November – 13 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	5	20	13	0	9	47	723
Tuaran	0	7	14	0	4	25	547
Penampang	0	8	9	0	2	19	347
Kota Belud	0	7	8	0	3	18	295
Putatan	0	7	4	0	2	13	205
Kuala Penyu	0	13	0	0	0	13	119
Sandakan	0	11	0	0	2	13	134
Tawau	0	5	3	0	3	11	68
Papar	0	3	5	0	1	9	281
Kota Marudu	0	3	6	0	0	9	156
Beaufort	0	5	2	0	0	7	218
Tenom	0	3	2	0	1	6	143
Sipitang	0	4	2	0	0	6	66
Nabawan	0	5	0	0	1	6	15
Kinabatangan	0	1	1	0	4	6	37
Ranau	0	2	3	0	0	5	298
Tambunan	0	3	1	0	1	5	70
Keningau	0	0	4	0	0	4	181
Pitas	0	0	2	0	1	3	70
Kudat	0	0	0	0	2	2	87
Semporna	0	0	0	0	2	2	10
Telupid	0	1	0	0	0	1	32
Beluran	0	0	1	0	0	1	37
Tongod	0	0	1	0	0	1	17
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	47
Kunak	0	0	0	0	0	0	5
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	6
<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>	<b>108</b>	<b>81</b>	<b>0</b>	<b>38</b>	<b>232</b>	<b>4,214</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Puncak Ilmu	5
	<b>Jumlah</b>	<b>5</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Puncak Ilmu - Kota Kinabalu** adalah kluster jenis institusi pendidikan melibatkan pelajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kes indeks kes bagi kluster ini ialah lelaki tempatan, 22, merupakan penuntut di Fakulti Sumber Alam Universiti Malaysia Sabah dan tinggal di Kolej Kediaman Excellent. Kes indeks yang mula bergejala sejak 01 Disember 2021, kemudiannya disahkan positif COVID-19 melalui saringan di Pusat Perubatan UMS pada 02 Disember 2021 dan telah selesai menjalani kuarantin di Pusat Kuarantin Berisiko Rendah (PKRC) UMS. Saringan terhadap kontak kes mendapati 40 lagi kes positif terdiri daripada pelajar serta kakitangan UMS. Jumlah kumulatif bagi kluster ini ialah sebanyak 41 kes termasuk lima (5) kes baharu. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 4,375 unit

- Hospital 1,331 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,854 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 23.13%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 14 DISEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	228
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	2
<b>Jumlah</b>	<b>232</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Kanada	1
Arab Saudi	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	223
Bukan Malaysia	9
<b>Jumlah</b>	<b>232</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	35
Belum Menerima Vaksin	33
Menerima 1 Dos	2
Lengkap 2 Dos	158
Dos Penggalak	4
<b>Jumlah</b>	<b>232</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1 to 5	20
6 to 11	14
12 to 17	8
18 to 25	24
26 to 59	142
>60	23
<b>Jumlah</b>	<b>232</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 13 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 1,230 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,152 orang adalah penduduk dewasa dan 78 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 13 Disember 2021 adalah seramai 2,444,875 orang. Ini meliputi 2,109,529 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.48% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,397,593 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,087,852 orang atau 75.69% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,346 orang atau 77.27% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 309,741 atau 71.37% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,785** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,609 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 59 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 135 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Perikanan 1985.

## Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 959 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak satu (1) kompaun dikeluarkan oleh Majlis Daerah Penampang kepada orang awam atas kesalahan gagal mendaftar masuk premis dalam MySejahtera atau menggunakan buku pendaftaran. Tiada notis dikeluarkan pada hari ini.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 266 premis perniagaan dan 339 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Syarikat Letrik Wong Ming, Inanam Point dan Tradinh of Sundry Goods, Inanam Taipan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik premis gagal memastikan pekerja masuk ke premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku daftar masuk di Trading of Sundry Goods, Inanam Taipan.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 292 Premis Perniagaan melibatkan 174 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 28 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 135 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Penampang	98.7%
2	Tenom	98.7%
3	Ranau	98.7%
4	Beaufort	98.7%
5	Lahad Datu	98.7%
6	Kota Kinabalu	98.6%
7	Semporna	98.6%
8	Kunak	98.6%
9	Kinabatangan	98.6%
10	Kota Marudu	98.6%
11	Tuaran	98.6%
12	Sandakan	98.6%
13	Papar	98.6%
14	Keningau	98.6%
15	Beluran	98.6%
16	Sipitang	98.6%
17	Kota Belud	98.6%
18	Kudat	98.6%
19	Tawau	98.6%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**